# JANGAN KHAYAL DENGAN 'HERO'

**KUALA LUMPUR 11 Feb. – Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini niengajak rakyat tidak berkhayal dengan 'hero -hero' ciptaan kita semata - ma ta untuk. bermegah.**

Pcrdana Menteri menegaskan, "apa yang penting ialah pencapaian kita sekarang ini dan apakah benar kita boleh bcrbangga dcngan pencapaian kita hari ini?"

"Jika tidak, apakah kita harus khayal dcngan yang lama atau pun kita tentukan di mana kita silap dalam sejarah kita dan kita elak dari melakukan kcsilapan yang sama sekali lagi," tcgasnya lagi.

Beliau mcnarik pcrhatian, inilah peranan sejarah, bukan untuk berkhayal dengan 'hero' ciptaan ...

Serentak dengan itu, Perdana Menteri menasihatkan rakyat jika sejarah menjadi panduan, maka yang perlu sekarang ialah mengukuhkan perpaduan, mengurus pemerintahan dengan baik, merancang pembangunan, melaksanakan rancangan ini dengan penuh minat dan dedikasi.

"Jika ada apa-apa yang terkurang, maka tindakan mestilah diambil, jika kita kurang ilmu, maka hendaklah kita berusaha mempelajari dan mengumpul ilmu ini. "Jika kita kekurangan kecekapan, maka hendaklah kita latihkan diri sehingga kita cekap dan jika kita miskin, maka hendaklah berusaha untuk mendapatkan kekayaan," tegasnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir mendedahkan, ramai di kalangan masyarakat di negara ini meraba - raba mencari 'hero' dalam sejarah masyarakat-

kyat malas dan tidak bertanggungjawab, maka merasai kcsan darinya, tetapi jika rajin akan mendapat hasilnya.

"Mungkin ada halangan dan rintangan, mungkin ada pengorbanan yang perlu dibuat, tetapi semua masalah boleh • diatasi, asalkan kita tahu tentang akibat buruk yang akan menjadi nasib kita - jika tidak membuat apa yang perlu scperti yang kita pelajari dari sejarah kita," ujarnya.

Jika scjarah negara - negara dunia dikaji, maka akan dapati bahawa negara - negara biasanya muncul men-

Rancangan Malaysia Keempat yang sedang dikaji semula sekarang.

Perdana Menteri menjelaskan, sebaliknya kerajaan akan memotong beberapa peruntukan tertentu sebagai cara berjimat cermat sekarang.

Beliau menegaskan lagi semua rancangan yang ditangguhkan akibat kemelesetan ekonomi sejak beberapa tahun lalu akan dilaksanakan tahun ini, tetapi cuma rancangan-rancangan tertentu.

"Kerajaan akan berusaha mencari sumber-sumber kewangan terutamanya dalam negara sendiri," tegasnya lagi.

Datuk Musa Hitam barubaru ini mengumumkan bahawa semua projek yang di-

hayal dengan 'hero - hero' ciptaan kita tetapi menentukan di mana kesilapan dan apa yang harus dibuat untuk memperbaikinya.

Berucap di majlis penyampaian hadiah peraduan mengarang dan melukis sejarah Malaysia di Dewan Bahasa dan Pustaka di sini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, kalau rebutan takhta menyebabkan penyerahan negara ini kepada bangsa asing, maka hari ini janganlah ada lagi rebutan di, kalangan orang Yang berkuasa iaitu 'rakvat'.

nya sendiri.

Katanya, kadang - kadang mereka tidak begitu menyoalkan sama ada apakah hero itu sebenarnya hero dengan melupakan sahaja akan kebukuannya dan mendewa - dewakannya.

"Untuk apa? Supaya kita boleh kata kita dari keturunan yang megah. T.etapi semua ini adalah khayalan dan sudah pun tidak ada dan tidak berkesan lagi," tegasnya.

Beliau menarik perhatian, satu perkara yang tidak sepatutnya terlalu mengkagumkan ialah kenangan keagungan kita di zaman dulu. Masyarakat yang sering bercakap tentang zaman gemilang dahulu ialah masyarakat yang sudah menjadi mundur sekarang dan tidak ada lam Yang boleh dibanggakan melainkan sejarahnya, tegasnya lagi.

Apa yang dikehendaki ialah pelajaran dari sejarah lama dan kejayaan zaman ini, ujar beliau.

Menurut Perdana Mcnteri, salah satu kesan sejarah yang boleh dijadikan contoh atau pedoman ialah masyarakat akan maju atau mundur mengikut apa yang sepatutnya bagi masyarakat itu.

Ini bermakna, jika rajadi maju, meningkat ke puncak kejayaan dan selepas itu mula merosot dan menjadi daif, oleh itu tentu ada sebabnya. tegas beliau.

"Biasanya bangsa yang akan berjaya memberi nilai yang tinggi kepada kerajinan, keberanian amanah dan kejujuran, ilmu pengetahuan dimuliakan dan cekap dalam bidang - bidang tertentu," kdtanya.

Beliau mengingatkan apabila nilai — nilai ini sudah menjadi sebahagian daripada kebudayaan sesuatu bangsa, maka bangsa dan negara itu akan mencapai kejayaan yang cemerlang, pengaruh mereka akan berkembang dan mereka dihormati dan disegani.

Bagaimanapun, beliau kesal kerana kerapkali kemewahan dan kesenangan berlaku meieka akan mengubah nilai hidup, kerajinan dan kebeianian tidak dihargai lagi.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga berkata kerajaan tidak akan menambahkan peruntukan untuk menjayakan sesuatu projek selepas selesai kajian separuh penggal tangguh akibat kemelesetan ekonomi sejak beberapa tahun lalu akan dilaksanakan tahun ini.

Ketika berucap kepada anggota jawatankuasa UMNO bahagian Larut, Matang, Bagan Serai dan Taiping di Taiping pada 29 Januari lalu, beliau memberitahu projek berkenaan akan dijalankan selepas kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Keempat dibuat tidak lama lagi.

Beliau berkata, ini dapat dijalankan kerana keadaan ekonomi negara semakin bertambah pulih.

Menyentuh UMNO pula, Datuk Sri Dr. Mahathir enggan mengulas tentang pertandingan bakal calon untuk timbalan prcsiden dalam perhimpunan agung UMNO bulan Mei depan.

"Saya tidak ada sebarang komen," tegasnya.